

30 MAY 1996

DR MAHATHIR DAN BANHARN ADAKAN PERBINCANGAN DUAHALA

KUALA LUMPUR, 30 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya dari Thailand Banharn Sipla-Archa di Jabatan Perdana Menteri.

Ini disusuli dengan perjumpaan antara rombongan Thailand dan Malaysia.

Kedua-dua Perdana Menteri itu kemudian menyaksikan majlis menandatangani dua memorandum persefahaman mengenai penjualan dan pembelian gas asli dari Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand (MTJA) antara MTJA, kontraktor-kontraktor pengeluaran bersamanya dan pembeli gas berkenaan.

Perdana Menteri Thailand tiba di sini semalam untuk lawatan rasmi dua hari ke Malaysia bagi mengukuhkan hubungan duahala dan menggalakkan kerjasama ekonomi.

Banharn diiringi oleh isterinya Jamsai dan serombongan terdiri daripada 60 anggota termasuk Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Luar Amnuay Virawan, Menteri Buruh dan Kebajikan Sosial Prasong Boonpong, para pegawai kanan kerajaan dan ahli perniagaan.

Beliau dijadual berlepas ke Singapura kemudian tengah hari ini. --
BERNAMA

ES CR